



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pertubuhan (Pindaan) 1988

DR.10/1988

D.R. 10/88

Naskah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988. Tajuk ringkas.

2. Akta Pertubuhan 1966, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3, seksyen baru 3A seperti berikut: Seksyen baru 3A.
Akta 335.

“Kuasa-kuasa Pendaftar.

3A. Sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa, tugas-tugas dan fungsi-fungsi yang diberi kepada Pendaftar oleh Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa, menunaikan segala tugas dan melaksanakan segala fungsi sebagaimana yang perlu bagi maksud menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini.”.

Seksyen
baru 6A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6, seksyen baru 6A seperti berikut:

“Kuasa
Pendaftar
membuat
pertanyaan,
dsb. ber-
hubungan
dengan
mana-mana
permohonan
di bawah
Akta ini.

6A. (1) Pendaftar boleh, berhubungan dengan mana-mana permohonan di bawah seksyen 6, subseksyen (1) seksyen 11, subseksyen (1) seksyen 12, seksyen 49, subseksyen (1) seksyen 50, atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, meminta apa-apa maklumat lanjut, dan membuat apa-apa pertanyaan, sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Jika seseorang yang membuat apa-apa permohonan sepertimana yang disebutkan dalam subseksyen (1) tidak memberi maklumat lanjut yang diminta itu, atau menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dibuat itu, hingga memuaskan hati Pendaftar, maka dia boleh menolak permohonan itu.”.

Pindaan
seksyen 10.

4. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan noktah bertindih dan memasukkan proviso yang berikut kepada subseksyen itu:

“Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya, dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu adalah suatu maksud yang menurut undang-undang, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.”.

Pindaan
seksyen 12.

5. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “pertubuhan berdaftar itu dan” dalam subseksyen (3);
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “disifatkan sebagai pertubuhan-pertubuhan yang menyalahi undang-undang” dalam

subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “boleh disifatkan sebagai” dalam proviso kepada subseksyen (3) dengan perkataan “menjadi”.

6. Seksyen 17 Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) seperti berikut:

Pindaan
seksyen 17.

“(3) Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta boleh menghendaki atau membenarkan badan pengelola pertubuhan itu, yang merupakan badan pengelola yang wujud sebelum sahaja mula berkuatkuasanya subseksyen (1) berhubungan dengan pertubuhan itu, atau mana-mana anggota badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, supaya memberi kepada Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, mengikut mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, apa-apa maklumat berhubungan dengan harta, hal-ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud seksyen ini, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (4), badan pengelola itu, atau anggotanya, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, tidaklah oleh sebab apa-apa jua perkara yang dilakukan olehnya menurut kehendak atau membenaran itu, melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat perkara itu adalah sebaliknya dilakukan menurut undang-undang.

(4) Jika badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana anggotanya yang tertentu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasanya subseksyen (1) berhubungan dengan pertubuhan itu, tidak mematuhi apa-apa kehendak Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (3), atau melakukan apa-apa jua perkara di luar bidang, atau yang berlawanan dengan, apa-apa pembenaran Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (3), setiap anggota badan pengelola itu, atau anggotanya yang tertentu itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud-maksud subseksyen (3) dan (4), "pemegang jawatan" termasuklah mana-mana orang yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (7) seksyen 9A.

(6) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah perenggan (a) subseksyen (1), maka harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, tidak kira sama ada ia suatu cawangan yang menurut undang-undang atau yang menyalahi undang-undang, hendaklah juga terletak pada Pegawai Pemegang Harta, dan peruntukan-peruntukan perenggan (b), (c), (d) dan (e) subseksyen (1), dan subseksyen (2), (3), (4) dan (5), hendaklah dengan demikian itu terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.

(7) Bagi maksud-maksud subseksyen (3), (4), (5) dan (6), "Pegawai Pemegang Harta" termasuklah, berhubungan dengan suatu

pertubuhan yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5, mana-mana pegawai lain yang, mengikut terma-terma perintah itu, telah dilantik oleh Menteri bagi maksud penggulangan hal-hwal pertubuhan itu.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 17, seksyen baru 17A dan 17B seperti berikut: Seksyen baru
17A dan 17B.

“Pemakaian 17A. Jika cawangan sesuatu pertubuhan—
seksyen 17
bagi
cawangan
yang
menyalahi
undang-
undang.

(a) telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang melalui suatu perintah Menteri di bawah seksyen 5;

(b) diberitahu oleh Pendaftar kepada Pegawai Pemegang Harta sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 41; atau

(c) telah, dengan cara apa jua pun selainnya, menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) seksyen 41,

maka peruntukan-peruntukan seksyen 17 hendaklah terpakai bagi cawangan itu dan hartanya mengikut cara yang sama seperti ia terpakai bagi sesuatu pertubuhan dan hartanya, dan sebutan dalam subseksyen (3) dan (4) seksyen 17 mengenai badan pengelola sesuatu pertubuhan hendaklah dalam hal yang sedemikian ditafsirkan dengan sewajarnya sebagai sebutan mengenai badan pengelola cawangan yang berkenaan, dan sebutan dalam subseksyen (6) seksyen 17 mengenai cawangan sesuatu pertubuhan hendaklah dalam hal yang sedemikian ditafsirkan dengan sewajarnya sebagai sebutan mengenai cawangan yang di bawah cawangan yang berkenaan itu.

Perletak-
hakan pada
pertubuhan
berdaftar
baru akan
harta suatu
pertubuhan
yang pen-
daftarannya
telah di-
batalkan.

17B. (1) Jika harta mana-mana pertubuhan telah terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 17, maka walau apa pun subperenggan (ii) perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 17, Pegawai Pemegang Harta boleh, jika dia berpuas hati bahawa suatu pertubuhan lain telah didaftarkan di bawah Akta ini (kemudian daripada ini disebut "pertubuhan baru") dan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baru adalah pada matanya serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 (kemudian daripada ini disebut "pertubuhan lama") dan bahawa sebilangan besar orang yang menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya adalah anggota pertubuhan baru memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah bagi meletakkan segala aset, hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan segala cawangannya pada pertubuhan baru, dengan syarat Pegawai Pemegang Harta telah mula-mulanya menerima permintaan bertulis dan juga mendapat kebenaran bertulis daripada badan pengelola pertubuhan baru bagi perletakkan tersebut dan suatu akujanji bertulis yang menyatakan bahawa pertubuhan baru itu akan mengambil alih tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti yang disebut terdahulu yang sedia ada ketika itu, dan Mahkamah boleh, jika ia berpuas hati tentang segala perkara yang dinyatakan sebelum daripada ini, meluluskan permohonan itu dengan apa-apa ubahsuaian atau ubahan sebagaimana yang dikehendaki mengikut keadilan hal itu.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara saman pemula yang hendaklah

diiklankan dengan menyiarkannya dalam *Warta* dan dalam dua akhbar, satu dalam akhbar bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam akhbar Inggeris, yang beredar di Malaysia, dan mana-mana orang yang mungkin terjejas atau tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah atas sifatnya sebagai anggota pertubuhan lama atau pertubuhan baru atau sebagai pemiutang pertubuhan lama bolehlah memohon kepada Mahkamah untuk hadir dan membuat tuntutan mengenainya itu mengikut kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi.

(3) Mana-mana orang yang telah menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan baru yang tidak membantah terhadap permohonan Pegawai Pemegang Harta hendaklah terlepas daripada segala liabiliti persendirian bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan segala cawangannya bila sahaja perintah yang diminta oleh Pegawai Pemegang Harta itu dibuat.

(4) Mana-mana orang yang telah menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan baru yang membantah terhadap permohonan Pegawai Pemegang Harta hendaklah dibayar pampasan bagi bahagiannya dalam aset bersih pertubuhan lama itu, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah selepas peruntukan yang wajar dibuat bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama itu dan segala cawangannya pada tarikh permohonan tersebut. Orang yang berkenaan itu hendaklah bertanggung sendiri untuk mengganti rugi pertubuhan

baru bagi mana-mana hutang dan liabiliti pertubuhan lama itu dan segala cawangannya jika mana-mana hutang atau liabiliti itu telah tidak didedahkan kerana apa-apa jua sebab kepada Pegawai Pemegang Harta dan suatu tuntutan dibuat dalam masa enam tahun dari tarikh permohonan tersebut, setakat baha-giannya dalam aset bersih pertubuhan lama itu.

(5) Apabila suatu perintah perletakhakan dibuat oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1), segala harta yang termasuk di dalamnya itu hendaklah terletakhak dengan sewajarnya pada pertubuhan baru itu tanpa apa-apa pindahhak, pindahmilik atau serahhak selanjutnya.

(6) Walaupun permohonan di bawah subseksyen (1) belum selesai dalam Mahkamah, adalah sah menurut undang-undang bagi Pegawai Pemegang Harta untuk melakukan atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang perlu untuk melepaskan hutang dan liabiliti pertubuhan lama seolah-olah permohonan itu telah tidak dibuat.

(7) Jika Mahkamah meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1) dengan atau tanpa ubahsuaian atau ubahan, maka Pegawai Pemegang Harta hendaklah menyiarkan keputusan itu dalam *Warta* dan dalam dua akhbar, satu dalam akhbar bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam akhbar Inggeris, yang beredar di Malaysia, dan sesudah itu Pegawai Pemegang Harta hendaklah terlepas sepenuhnya daripada segala tanggungjawab dan liabilitinya dalam perkara itu.

(8) Segala kos dan belanja yang dilakukan oleh Pegawai Pemegang Harta dalam perkara itu hendaklah dibayar daripada aset

pertubuhan lama dan segala cawangannya, dengan diberi keutamaan daripada segala hutang dan liabiliti lain.

(9) Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang ada sebelum sahaja penyiaran dalam *Warta* akan keputusan Mahkamah yang meluluskan permohonan Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (1), hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau yang memihak pertubuhan baru dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesannya seolah-olah pertubuhan baru telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi satu pihak kepadanya dan bukan pertubuhan lama, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pertubuhan lama.

(10) Peruntukan-peruntukan subseksyen (3), (4) dan (5) seksyen 17 hendaklah terpakai berhubungan dengan seksyen ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berhubungan dengan seksyen 17.”.

8. (1) Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 41.

(a) dengan menomborkan semula peruntukan-peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dengan yang berikut:

“(c) sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan melanggar dengan subseksyen (1) seksyen 12, atau terus wujud melanggar dengan proviso kepada subseksyen (3) seksyen 12;”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen baru (2) seperti berikut:

“(2) Jika sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah

subseksyen (1), atau pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta ini, maka tiap-tiap cawangan pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal, dan jika cawangan sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) atau kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya disifatkan terbatal seperti yang disebut terdahulu di bawah subseksyen ini, maka tiap-tiap cawangan yang di bawah cawangan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal.”.

(2) Subseksyen (2) seksyen 41 Akta ibu yang dimasukkan ke dalam Akta ibu oleh subseksyen (1) seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa, dan menjadi satu bahagian integral Akta ibu, mulai dari mula berkuatkuasanya Akta ibu.

Seksyen
baru 48.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 47, seksyen baru 48 seperti berikut:

“Bertindak
bagi pihak
atau
mewakili
suatu per-
tubuhan
yang
menyalahi
undang-
undang.

48. (1) Mana-mana orang yang dengan apa-apa jua cara bertindak bagi pihak, atau mewakili, atau membantu, sama ada atas sifat profesional atau dengan cara apa jua pun selainnya, mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatannya seolah-olah dia terus menjadi pemegang jawatannya, atau mana-mana badan yang telah menjadi badan pengelola pertubuhan itu atau mana-mana cawangannya seolah-olah ia terus menjadi badan pengelola yang sedemikian, berhubungan dengan apa-apa perkara, adalah melakukan suatu

kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi sesuatu rayuan oleh pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 18, atau bagi apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang melibatkan pertubuhan itu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatannya, atau suatu badan yang telah menjadi badan pengelolanya atau badan pengelola mana-mana cawangannya.”.

10. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 49.

- (a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “, selain daripada suatu pertubuhan yang ia adalah suatu parti politik,” selepas perkataan-perkataan “pendaftaran mana-mana pertubuhan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “menjadi” perkataan-perkataan “atau, selepas habis tempoh tiga puluh hari dari pembatalan itu, terus menjadi”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan 1966.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 3A dalam Akta untuk membolehkan Pendaftar menjalankan segala kuasa, menunaikan segala tugas dan melaksanakan segala fungsi sebagaimana yang perlu untuk menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Akta.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 6A ke dalam Akta untuk memberikan kepada Pendaftar kuasa meminta apa-apa maklumat lanjut, dan

membuat apa-apa pertanyaan, sebagaimana yang difikirkannya perlu berhubungan dengan apa-apa permohonan untuk mendaftarkan sesuatu pertubuhan di bawah seksyen 6 (1), untuk menukarkan nama atau tempat urusan atau meminda kaedah-kaedah pertubuhan di bawah seksyen 11 (1), untuk kelulusan bagi penubuhan suatu cawangan di bawah seksyen 12 (1), untuk seseorang pemegang jawatan suatu pertubuhan yang pendaftarannya kena dibatalkan terus menjadi atau menjadi pemegang jawatan mana-mana pertubuhan lain di bawah seksyen 49, untuk kelulusan bagi sesuatu bendera, simbol, lambang, lencana atau tanda-tanda lain di bawah seksyen 50 (1), atau di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Pendaftar boleh menolak permohonan jika pemohon tidak memberi maklumat lanjut yang diminta, atau menjawab pertanyaan yang dibuat, hingga memuaskan hati Pendaftar.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan proviso kepada subseksyen (1) seksyen 10 Akta untuk menghendaki orang yang meminta pemeriksaan atau salinan dokumen-dokumen yang difailkan dengan Pendaftar supaya menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya, dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu adalah suatu maksud yang menurut undang-undang, dan pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, sebelum dia membenarkan pemeriksaan itu atau memberikan salinan itu.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 12 Akta untuk menjadikan menyalahi undang-undang hanyalah cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar sahaja dan bukannya pertubuhan itu sendiri jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pendaftar, atau jika, dalam hal sesuatu cawangan yang ditubuhkan dan sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta, pertubuhan berdaftar itu tidak memohon kelulusan Pendaftar dalam tempoh yang dinyatakan dalam proviso kepada subseksyen (3).

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 17 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) selepas subseksyen (2).

Jika harta sesuatu pertubuhan telah terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (1) seksyen 17, maka subseksyen baru (3) bertujuan membolehkan Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta untuk menghendaki atau membenarkan badan pengelolanya ketika itu, mana-mana anggota badan itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau

pekerjanya, supaya memberi kepada Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang daripada mereka itu, apa-apa maklumat berhubungan dengan harta, hal-ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud seksyen 17. Kecuali bagi kesalahan yang diperuntukkan di bawah subseksyen baru (4) yang dicadangkan dalam seksyen tersebut, badan pengelola, atau anggotanya, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, tidaklah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta kerana apa-apa jua perkara yang dilakukan menurut kehendak atau membenaran itu, jika ia adalah sebaliknya dilakukan menurut undang-undang.

Subseksyen baru (4) yang dicadangkan itu bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan kerana tidak mematuhi kehendak di bawah subseksyen baru (3) yang dicadangkan itu, atau melakukan apa-apa jua perkara di luar bidang, atau yang berlawanan dengan, suatu membenaran di bawah subseksyen itu. Penalti yang maksimum apabila disabitkan bagi kesalahan itu ialah penjara selama tempoh lima tahun atau denda sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Subseksyen baru (5) yang dicadangkan itu bertujuan memperluaskan pengertian "pemegang jawatan" dalam subseksyen (3) dan (4) supaya meliputi orang-orang yang disebutkan dalam perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (7) seksyen 9A, iaitu, anggota jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang dibentuk oleh badan pengelola pertubuhan itu atau sesuatu cawangan pertubuhan itu, dan orang-orang yang bertanggungjawab atas pengurusan hal-ehwal atau pengelolaan aktiviti-aktiviti pertubuhan itu atau mana-mana cawangannya, dan juga orang-orang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili atau bertindak bagi pihak pertubuhan itu atau mana-mana cawangannya dalam apa-apa jua perkara, selain daripada orang-orang yang terlibat atas sifat profesional mereka atau mengikut perkiraan kontrak.

Subseksyen baru (6) yang dicadangkan itu memberi penjelasan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan adalah terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (1), harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, tidak kira sama ada ia suatu cawangan yang menurut undang-undang atau yang menyalahi undang-undang bagi pertubuhan itu, juga terletak pada Pegawai Pemegang Harta, dan peruntukan-peruntukan yang lain dalam seksyen tersebut dengan demikian itu terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.

Subseksyen baru (7) yang dicadangkan adalah berbangkit daripada subseksyen baru (3), (4), (5) dan (6) yang dicadangkan itu.

7. *Fasal 7* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 17A dan 17B.

Seksyen baru 17A memperuntukkan bahawa seksyen 17 hendaklah terpakai bagi cawangan sesuatu pertubuhan jika cawangan itu telah diisytiharkan menyalahi undang-undang oleh Menteri di bawah seksyen 5 Akta atau jika Pendaftar memberitahu Pegawai Pemegang Harta bahawa cawangan itu adalah suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 41 Akta, iaitu, sama ada kerana ia telah ditubuhkan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pendaftar di bawah subseksyen (1) seksyen 12 Akta, atau, jika ia telah ditubuhkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta, kerana ia terus wujud tanpa kelulusan Pendaftar telah didapatkan di bawah proviso kepada subseksyen (3) seksyen 12; ia juga memperuntukkan supaya seksyen 17 terpakai jika cawangan sesuatu pertubuhan telah, dengan cara apa jua pun selainnya, menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) seksyen 41 Akta. Dalam memakai seksyen 17 bagi cawangan itu, sebutan dalam subseksyen (3) dan (4) seksyen 17 mengenai badan pengelola sesuatu pertubuhan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai badan pengelola cawangan yang berkenaan, dan sebutan dalam subseksyen (6) seksyen 17 mengenai cawangan sesuatu pertubuhan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai cawangan yang di bawah cawangan yang berkenaan itu.

Seksyen baru 17B bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah meletakhakkan segala aset, hutang dan liabiliti sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 Akta (pertubuhan lama) pada sesuatu pertubuhan baru, jika perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baru adalah pada matannya serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan lama dan jika sebilangan besar orang yang menjadi anggota menurut undang-undang bagi pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya adalah anggota pertubuhan baru. Bagaimanapun, kuasa Pegawai Pemegang Harta dalam hubungan ini hanyalah boleh dijalankan jika dia telah menerima permintaan bertulis dan juga mendapat kebenaran bertulis daripada badan pengelola pertubuhan baru bagi perletakhakkan tersebut, dan juga suatu akujanji yang menyatakan bahawa pertubuhan baru akan mengambil alih tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama yang ada ketika itu (subseksyen (1)).

Permohonan Pegawai Pemegang Harta hendaklah dibuat dengan cara saman semula yang dikehendaki disiarkan dalam *Warta* dan dalam dua akhbar, satu dalam akhbar bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam akhbar Inggeris, yang beredar di Malaysia (subseksyen (2)).

Seseorang yang mungkin terjejas atau tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah atas sifatnya sebagai seorang anggota pertubuhan lama, atau sebagai seorang anggota pertubuhan baru, atau sebagai seorang pemiutang pertubuhan lama, boleh hadir dan membuat tuntutan kepada Mahkamah mengikut kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (subseksyen (2)).

Seseorang yang telah menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya tetapi bukan seorang anggota pertubuhan baru tidak akan bertanggung sendiri bagi hutang dan liabiliti pertubuhan lama jika dia tidak membantah terhadap permohonan Pegawai Pemegang Harta (subseksyen (3)).

Subseksyen (4) membolehkan seseorang yang telah menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya tetapi bukannya seorang anggota pertubuhan baru, dan yang membantah terhadap permohonan Pegawai Pemegang Harta, dibayar pampasan bagi bahagiannya dalam aset bersih pertubuhan lama. Jika seseorang telah dipampaskan sedemikian dia adalah bertanggung bagi hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan cawangan-cawangannya yang telah tidak didedahkan kepada Pegawai Pemegang Harta dan yang baginya suatu tuntutan telah dibuat dalam masa enam tahun dari permohonan Pegawai Pemegang Harta. Liabiliti persendirian sedemikian hanyalah setakat bahagiannya sahaja dalam aset bersih pertubuhan lama itu.

Perintah perletakhakan Mahkamah ke atas permohonan Pegawai Pemegang Harta akan meletakhakan pada pertubuhan baru segala harta yang terkandung dalam perintah itu, tanpa apa-apa pindahhak, pindahmilik atau serahhak selanjutnya (subseksyen (5)).

Perintah Mahkamah yang meluluskan permohonan Pegawai Pemegang Harta dikehendaki disiarkan dalam *Warta* dan dalam dua akhbar, satu dalam akhbar bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam akhbar Inggeris, yang beredar di Malaysia, dan sesudah itu Pegawai Pemegang Harta hendaklah terlepas sepenuhnya daripada segala tanggungjawab dan liabilitinya dalam perkara itu (subseksyen (7)).

Semasa permohonan Pegawai Pemegang Harta belum selesai dalam Mahkamah, adalah sah menurut undang-undang baginya melepaskan segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama seolah-olah dia telah tidak membuat permohonan (subseksyen (6)).

Kos dan belanja yang dilakukan oleh Pegawai Pemegang Harta adalah kena dibayar daripada aset pertubuhan lama dengan diberi keutamaan daripada segala hutang dan liabiliti lain (subseksyen (8)).

Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang ada sebelum penyiaran dalam *Warta* akan perintah Mahkamah yang meluluskan permohonan Pegawai Pemegang Harta hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya untuk atau terhadap pertubuhan baru seolah-olah pertubuhan baru itu telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi satu pihak kepadanya (subseksyen (9)).

Peruntukan-peruntukan subseksyen (3), (4) dan (5) seksyen 17 Akta yang berhubungan dengan kuasa-kuasa Pendaftar dan Pegawai Pemegang Harta untuk menghendaki atau membenarkan maklumat diberikan berkenaan dengan sesuatu pertubuhan yang hartanya telah terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (1) seksyen 17, bolehlah dijalankan berhubungan dengan harta hal-ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan lama bagi maksud-maksud seksyen baru 17B yang dicadangkan itu (subseksyen (10)).

8. *Fasal 8 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 41 Akta.

Fasal 8 (1) (a) bertujuan menomborkan semula seksyen 41 yang sedia ada sebagai seksyen 41 (1), dan *fasal 8 (1) (b)* bertujuan menggantikan perenggan (c) seksyen 41 perenggan baru (c) yang menempati pindaan yang hendak dibuat kepada subseksyen (3) seksyen 12 melalui *fasal 5* Rang Undang-Undang ini.

Fasal 8 (1) (c) bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) selepas subseksyen (1) seksyen 41 Akta untuk memberi penjelasan bahawa jika sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) seksyen 41, atau jika pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta maka tiap-tiap cawangan pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang, dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal, dan jika cawangan sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) seksyen 41, atau kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya disifatkan terbatal di bawah subseksyen baru (2) yang dicadangkan itu, maka tiap-tiap cawangan yang bawah daripada cawangan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal.

Fasal 8 (2) Rang Undang-Undang bertujuan menguatkuasakan subseksyen baru (2) yang dicadangkan dalam seksyen 41 Rang Undang-Undang mulai dari tarikh mula berkuatkuasa Akta, dan menjadikannya satu bahagian integral Akta mulai dari tarikh tersebut.

9. *Fasal 9* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 48 ke dalam Akta. Subseksyen (1) dalam seksyen baru itu menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk bertindak bagi pihak, mewakili, atau membantu, berhubungan dengan apa-apa jua perkara, sama ada atas sifat profesional atau dengan cara apa jua pun selainnya, mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatannya seolah-olah dia terus menjadi pemegang jawatannya, atau mana-mana badan yang telah menjadi badan pengelolanya atau badan pengelola mana-mana cawangannya seolah-olah ia terus menjadi badan pengelola itu. Seseorang yang melakukan kesalahan itu boleh, apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau keduanya.

Bagaimanapun, subseksyen (2) seksyen baru ini menyebabkan subseksyen (1) tidak terpakai berhubungan dengan sesuatu rayuan oleh pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 18, atau berhubungan dengan apa-apa prosiding dalam mahkamah yang melibatkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang itu, seseorang yang telah menjadi pemegang jawatannya, atau suatu badan yang telah menjadi badan pengelolanya atau badan pengelola mana-mana cawangannya.

10. *Fasal 10 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 49 Akta supaya ia tak terpakai bagi pertubuhan-pertubuhan yang ia adalah parti politik.

Fasal 10 (b) Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 49 Akta yang menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang yang telah menjadi pemegang jawatan sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya kena dibatalkan di bawah peruntukan-peruntukan tertentu yang dinyatakan dalam Akta menjadi, selepas pembatalan itu, seorang pemegang jawatan mana-mana pertubuhan lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Pendaftar; pindaan yang dicadangkan itu akan melanjutkan larangan yang ada sekarang supaya juga menjadikannya suatu kesalahan bagi orang itu terus kekal menjadi pemegang jawatan mana-mana pertubuhan lain yang dia telah menjadi pemegang jawatan sebelum pembatalan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1480.]

D.R. 10/88

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN

(PINDAAN) 1988

Pindaan yang dicadangkan dalam Jawatankuasa

oleh Y.A.B. Perdana Menteri

Fasal 7: Masukkan selepas perkataan-perkataan "perlu untuk" dalam subseksyen (6) seksyen 17B perkataan-perkataan "mengurus apa-apa harta atau".

Huraian

Pindaan ini adalah untuk memperuntukkan dengan jelas bahawa Pemegang Harta, semasa suatu permohonan di bawah subseksyen (1) seksyen 17B belum selesai di Mahkamah Tinggi, juga mempunyai kuasa untuk menguruskan harta pertubuhan lama, dan bukannya hanya untuk melepaskan hutang dan liabilitinya sebagaimana yang sekarang ini diperuntukkan subseksyen (6).